

**Lebih 600 tetamu meriahkan majlis berbuka puasa PM
Astro Awani
30 Mei 2018
Siti Nursyazwani**

PUTRAJAYA: Lebih 600 tetamu hadir memeriahkan Majlis Berbuka Puasa bersama Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, malam ini.

Ia merupakan majlis berbuka puasa yang julung kali dihadiri oleh Tun Mahathir bersama pegawai tertinggi kerajaan tahun ini.

Tun Dr Mahathir dan isteri tiba sekitar jam 7.10 malam.

Majlis berkenaan turut disertai menteri Kabinet, menteri besar dan ketua menteri, duta, pegawai tertinggi kerajaan dan kedutaan antarabangsa.

Hadir sama adalah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa.

2018Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-600-tetamu-meriahkan-majlis-berbuka-puasa-pm-176894>